

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah jumlah perbelanjaan pembangunan dan pengurusan yang diluluskan dan dibelanjakan untuk tahun 2020 dan apakah angka itu untuk negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Oktober 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyalurkan peruntukan di bawah **Belanja Mengurus sebanyak RM2.43 bilion kepada 45 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di negeri Sarawak** bagi tujuan **pengoperasian hospital-hospital, pejabat kesihatan, pusat pergigian, pusat jantung dan pejabat farmasi**. Prestasi perbelanjaan di bawah belanja mengurus ini adalah 78.19% atau RM1.9 bilion.

2. Manakala, bagi **peruntukan Belanja Pembangunan, jumlah yang telah disalurkan kepada negeri Sarawak adalah sebanyak RM345.4 juta** bagi tujuan **menaik taraf kemudahan hospital, peralatan, kenderaan, penyelenggaraan kuarters dan sebagainya**. Jumlah keseluruhan perbelanjaan daripada pelbagai butiran projek tersebut adalah sebanyak RM210 juta atau 60.8%.

Sekian, terima kasih.